

Kabinet dijangka bincang tindakan: Khalil

BH 25 JUN 201

PETALING JAYA, Ahad - Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, yakin tindakan ke atas akhbar Cina yang sering mengapi-apikan sentimen perkauman dan membenci kerajaan akan dibincangkan pada peringkat kerajaan, ttdak lama lagi.

Katanya, beliau menyokong amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu akhbar terbit melaporkan berita tidak berasaskan fakta sehingga menimbulkan sentimen perkauman dan tidak menyokong perpaduan.

"(Tindakan) terpulang kepada kerajaan dan saya percaya ia akan dibincangkan pada peringkat kerajaan.

"Penguatkuasaan ke atas akhbar dijalankan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan saya percaya KDN akan mengambil keputusan seperti yang disebutkan Perdana Menteri," katanya selepas menghadiri majlis Maulidur Rasul anjuran Angkatan Kemajuan Muslim (AKM) Selangor dan Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai ucapan penggulungan Perdana Menteri pada akhir Perhimpunan Agung Umno semalam yang memberi amaran supaya masyarakat dan akhbar Cina berhenti mengapi-apikan isu perkauman dan membenci kerajaan.